

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, September 10, 2017 4:44 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Warna Warni Malam Apresiasi Seni Suai Kenal 2017



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



10 SEPTEMBER 2017 / 19 ZULHIJAH 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: PBS

WARNA WARNI MALAM APRESIASI SENI SUAI KENAL 2017



UUM ONLINE: Warna warni keunikan budaya pelbagai kaum di Malaysia diserlahkan pada Malam Apresiasi Seni Suai Kenal (MASS) 2017 di Dewan Mu'adzam Shah, Jumaat lalu.

Setelah beberapa hari berlangsung, Minggu Suai Kenal melabuhkan tirai dan ditutup secara rasmi menerusi MASS anjuran Pusat Budaya Dan Seni (PBS) yang menyaksikan pelajar baharu Sesi 2017/2018 mempamerkan bakat dan kreativiti masing-masing.

Majlis diserikan dengan persembahan menghiburkan seperti deklamasi puisi, nasyid, koir, dikir alaf baru dan pentomen kemerdekaan, sekali gus meningkatkan nilai jati diri dan perpaduan terhadap tanah air tercinta.

Antara persembahan yang diadakan seperti koir, zapin, sumazau, boria, nasyid serta persembahan pelajar antarabangsa yang menetengahkan budaya dan keunikan negara masing-masing.

Pada malam tersebut, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Abdul Malek Abdul Karim yang mewakili Naib Canselor telah menyampaikan Anugerah Kumpulan Paling Berdisiplin yang dimenangi oleh Inasis Bank Muamalat, Anugerah Kumpulan Paling Versatile (Inasis TM), Anugerah Kumpulan Paling Cute (Inasis Sime Darby) dan Anugerah Paling Vouge (Band Pusat Budaya Dan Seni),

Manakala Anugerah Paling Menghiburkan dirangkul oleh Inasis Proton, Anugerah Paling Kreatif (Inasis Yayasan Al Bukhary), Anugerah Paling Malatops (Inasis Petronas) dan Anugerah Stylo (Inasis Grantt).

Anugerah Khas Juri dimenangi oleh pelajar antarabangsa, Anugerah Paling Sporting (Inasis SME Bank), Anugerah Paling Versatile (Inasis MAS), Anugerah Persembahan Mantop (Inasis Bank Rakyat), Anugerah Paling Ceria (Inasis TNB) dan Anugerah Paling Vouge (Inasis MISC).

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.